

# Najib mahu Tenun Pahang setaraf industri batik, songket

u.m 26/06/02 M1527

KUALA LUMPUR 25 Jun – Datuk Seri Najib Tun Razak mahu melihat perkembangan Tenun Pahang setaraf dengan batik dan songket dalam pembangunan industri tekstil di negara ini.

Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha perlu digiatkan untuk mengembalikannya kegemilangan Tenun Pahang menerusi kerjasama antara Kerajaan Pusat, kerajaan negeri, pengusaha kraf, sektor swasta dan pencinta kraf.

Menurut beliau, satu pelan pembangunan bersepadu bagi Tenun Pahang merangkumi aspek pengeluaran, latihan, pemasaran dan pembangunan produk akan diwujudkan antara kerajaan negeri dan Perbadanan Kraf-tangan Malaysia.

“Tenun Pahang mempunyai keunikan tersendiri melambangkan keunikan budaya, adat resam dan kehidupan sesuatu masyarakat serta boleh diketengahkan setanding dengan songket dan batik,” katanya.

Beliau berkata demikian sewaktu berucap merasmikan Malam Tenun Pahang Diraja di Kompleks Kraf Kuala Lumpur di sini, malam ini.

Turut hadir ialah Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah; isteri Timbalan Per-

dana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dan Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Menurut Najib, pembangunan industri tekstil kraf telah menunjukkan perkembangan yang menggalakkan pada 2007 apabila menjana RM73 juta atau 30 peratus jumlah keseluruhan produk kraf bernilai RM244 juta.

Daripada jumlah itu kata beliau, batik menyumbang sebanyak RM59 juta sementara songket pula RM9.7 juta tetapi Tenun Pahang hanya RM403,585.

“Ini menunjukkan pencapaian ketiga-tiga bidang tekstil amat berbeza dengan Tenun Pahang jauh ketinggalan dan tindakan perlu dibuat bagi memastikan Tenun Pahang setaraf dengan batik dan songket,” katanya lagi.

Sehubungan itu, Najib yakin dengan kerjasama daripada semua pihak ia akan dapat memastikan pembangunan dan perkembangan Tenun Pahang di negara ini.

Pembinaan Institut Latihan Tenun Pahang Diraja di Pulau Keladi, Pekan yang akan siap pada 2009 katanya, dijangka akan dapat memberi latihan bagi membangunkan tenaga mahir dalam bidang tersebut.



TUNKU Azizah Aminah Maimunah Iskandariah (empat dari kanan) bersama Rosmah Mansor (tiga dari kanan) bersama pereka fesyen tempatan pada majlis Malam Tenun Pahang Diraja di Kompleks Kraf Kuala Lumpur, malam tadi.